

## AKAL BUDI DALAM PERIBAHASA MELAYU SARAWAK

### AKAL BUDI IN SARAWAK MALAY PROVERBS

Abang Patdeli bin Abang Muhi  
Institut Peradaban Melayu  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
apam@dbp.gov.my

#### ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis genre dan akal budi yang terdapat dalam peribahasa Melayu Sarawak. Reka bentuk kajian ialah kajian kepustakaan yang bertujuan untuk mengenal pasti jenis peribahasa yang terdapat dalam beberapa buah buku berdasarkan pendekatan induktif daripada aspek genre dan akal budi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis peribahasa, menjelaskan struktur peribahasa dan menganalisis akal budi dalam peribahasa. Teori Peribahasa Za'ba dan Teori Semantik Geoffrey Leech diaplikasikan dalam kajian ini. Teori Za'ba digunakan untuk menentukan jenis-jenis dan fungsi peribahasa. Teori Leech menghuraikan jenis-jenis makna kiasan dan unsur-unsur akal budi. Data kualitatif kajian dipungut berdasarkan temu bual dua orang informan yang merupakan penutur asli Bahasa Melayu Sarawak. Kriteria pemilihan informan adalah tokoh rujukan yang berusia, berwibawa dan berkearifan mengenai sastera lisan Melayu Sarawak. Salah seorang daripada informan ialah penulis dua buah buku pantun Melayu Sarawak. Dapatan kajian kepustakaan dan temu bual dengan informan mendapati 1,373 rangkap peribahasa Melayu Sarawak. Berdasarkan genre ditemukan simpulan bahasa sebanyak 964 rangkap, pepatah atau bidalan 266 rangkap, perumpamaan 91 rangkap, nilai kepercayaan 46 rangkap dan pantun dua baris berima sebanyak 6 rangkap. Genre yang paling dominan ialah simpulan bahasa, namun tidak terdapat peribahasa jenis perbilangan dan lidah pendeta. Kajian juga mendapati aspek akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak menunjukkan pelbagai tema dan makna yang muncul berkaitan dengan ilmu pengetahuan, falsafah, pemikiran, budaya, pandangan hidup dan daya cipta. Implikasi penting kajian ini ialah 1,373 rangkap peribahasa itu boleh diterbitkan, dijadikan artifak sastera dan budaya serta sumber kajian tentang masyarakat Melayu Sarawak.

**Kata kunci:** Akal Budi, Ilmu Pengetahuan, Falsafah, Pemikiran, Budaya, Pandangan Hidup, Daya Cipta

#### ABSTRACT

The purpose of this study was to analyse the genre and *akal budi* in the Sarawak Malays proverbs. This study used library research to determine the types of proverbs in various books based on inductive approach from the aspects of genre and *akal budi*. The objectives of this study were to determine the types of proverbs, clarify the structure of the proverbs, and to analyse the *akal budi* in the proverbs. Za'ba Proverbs Theory and Geoffrey Leech Semantic Theory were applied in this study. Za'ba Theory is used to determine the types and functions of proverbs. Leech Semantic Theory is to describe the types of metaphorical meanings and the elements of *akal budi* in the Sarawak Malays proverbs. The qualitative data were collected by interviewing two informants who were the native speakers of the Sarawak Malay. The criteria for selecting the informants were based on their elderly reference figures with authority and wisdom regarding the Sarawak Malays oral literature. One of them was an author of two Sarawak Malays *pantun* books. The findings of the study from the review of the literature and the interviews with the informants found 1,373 verses of proverbs. Based on varied genres, the study found 964 verses of idioms, 266 verses of axioms or maxims, 91 verses of parables, 46 verses based on values of beliefs and 6 verses based on two-lines *pantun*. The dominant genre was idiom, however no *perbilangan* and *lidah pendeta* genres were found. This study also revealed that the aspects of *akal budi* in the Sarawak Malays proverbs contained various themes and meanings regarding the knowledge, philosophy, thinking, culture, worldviews and creativity. In implication, the 1,373 verses of proverbs found from this study could be published and they could be regarded as literature and cultural artifacts, and the publication could be a source of literary work of Sarawak Malays.

**Keywords:** Akal Budi, Knowledge, Philosophy, Thought, Culture, View of Life, Creativity.

## **PENGENALAN**

Makalah ini adalah berkaitan dengan penganalisisan terhadap aspek akal budi yang tersirat dalam peribahasa yang terdapat dalam kalangan orang Melayu Sarawak, dan merupakan objektif ketiga dalam disertasi doktor falsafah berjudul Analisis Genre dan Akal Budi dalam Peribahasa Melayu Sarawak.

Data berkenaan dengan peribahasa itu telah dikumpulkan melalui penelitian kepustakaan terhadap beberapa buku yang memuatkan beberapa rangkap peribahasa, dan penelitian di lapangan dengan menemu bual dua orang informan yang merupakan penutur asli bahasa Melayu Sarawak, dan tokoh yang arif tentang bahasa dan budaya orang Melayu Sarawak.

## **OBJEKTIF**

Objektif utama makalah ini adalah untuk:

- Memperjelas genre dan fungsi peribahasa yang terdapat dalam kalangan orang Melayu Sarawak.
- Menghuraikan aspek akal budi yang terdapat dalam peribahasa Melayu Sarawak.
- Menyatakan beberapa implikasi kajian ini.

## **Orang Melayu di Sarawak**

Sarawak ialah salah sebuah negeri dalam Malaysia, dan orang Melayu Sarawak adalah merupakan satu daripada 24 kaum yang terdapat di negeri itu, dan selepas kaum Iban, orang Melayu merupakan kelompok Bumiputera yang kedua terbesar. Meskipun begitu, kaum Melayu Sarawak tidak begitu dikenali berbanding dengan suku kaum Iban dan Melanau.

Menurut Awang Hasmadi Awang Mois dalam kertas kerjanya *Masyarakat Melayu Sarawak: Satu Penilaian* yang dibentangkan dalam Seminar Budaya Melayu III pada tahun 1999:17:

Ada daripada kita mungkin tahu bahawa masyarakat Melayu Sarawak adalah masyarakat yang kurang menarik perhatian ahli sosiologi mahupun antropologi dari dalam mahupun luar negeri. Jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain yang terdapat di Sarawak, kaum Melayu Sarawak seolah-olah tidak wujud atau walau diketahui wujud pun seperti tidak menghadapi sebarang masalah sosioekonomi atau budaya dalam keadaan Sarawak yang begitu cepat berubah. Justeru itu kita tidak pernah membaca tentang mana-mana badan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membicarakan atau melaungkan tentang nasib orang Melayu. Sebaliknya, perhatian mereka lebih tertumpu pada kumpulan-kumpulan lain yang dianggap lebih terpinggir (marginal), iaitu kaum-kaum yang terdapat di kawasan pedalaman seperti kaum Penan...Namun demikian, pengkaji luar terutamanya dari Barat memang menyedari bahawa peranan yang dimainkan oleh masyarakat Melayu dalam menentukan kestabilan politik tempatan dan nasional cukup signifikan.

## **Peribahasa dalam Kalangan Masyarakat Melayu Sarawak**

Peribahasa merupakan salah satu daripada puisi tradisional yang masih kekal bertahan hingga kini, meskipun dari segi penggunaannya tidak lagi begitu meluas. Menurut Za'ba (165:1962):

“Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan kerana tiap-tiap satu ini cakap mengandungi segala sifat peribahasa yang telah disebutkan itu.”

Peribahasa yang wujud dalam bahasa Melayu Sarawak adalah terbentuk daripada keanekaragaman budaya yang dapat memberi sumbangan yang positif kepada kekuatan kebudayaan kebangsaan, dan pengayaan peradaban Melayu secara keseluruhannya. Dalam kalangan orang Melayu Sarawak peribahasa merupakan wahana penting untuk merakamkan akal budi, dan mengartikulasikan peradaban bangsa Melayu yang diungkapkan dengan susunan kata yang puitis dan berkias secara tersurat. Dari segi genre, kajian ini menemukan lima jenis peribahasa yang terdapat dalam kalangan orang Melayu Sarawak seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah:

<b>BIL.</b>	<b>JENIS-JENIS PERIBAHASA</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Pepatah atau Bidalan	266
2.	Perumpamaan	91
3.	Simpulan Bahasa	964
4.	Nilai Kepercayaan	46
5.	Pantun Dua Kerat	6
6.	Perbilangan	0
7.	Lidah pendeta	0
		<b>1373</b>

Justeru, makalah ini akan membincangkan beberapa aspek akal budi seperti yang terpancar dalam peribahasa yang terungkap indah, tersusun elok, serta menyurat dan menyirat majaz-majaz bermakna. Nilai-nilai akal budi ini hanya dapat dicungkil dan ditampilkan dengan mengkaji peribahasa yang telah wujud dalam kalangan orang Melayu Sarawak sejak sekian lama.

### **Pengertian Akal Budi**

Akal budi yang merupakan inti sari dan ungkapan metafora yang terungkap serta terkias dalam peribahasa harus ditafsirkan dengan bestari dan hati nurani. Akal budi bukan hanya secara lahiriahnya bermakna memiliki akal, bagaimanapun, akal budi juga bermaksud kebijaksanaan dan kearifan orang Melayu dalam mempergunakan akal, berfikiran sihat dan waras serta kepandaian mereka dalam mengungkapkan dan mengiaskan bahasa yang sarat dengan makna. Penganalisan dan pentafsiran peribahasa yang dilakukan ini mendapati akal budi mencakupi kearifan orang Melayu Sarawak daripada segi pemikiran kreatif, keindahan, penaakulan, kesusilaan, keperibadian dan kebudayaan.

Bagi memperlihatkan aneka unsur akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak, teori utama yang digunakan ialah Teori Semantik kerana pengaplikasian teori ini yang digandingkan dengan pendekatan semantik inkuisitif dapat menghasilkan penganalisan yang tuntas. Selain itu, teori ini juga sesuai digunakan dalam penganalisan peribahasa kerana teori ini juga mengambil kira aspek hubungan yang integral antara fungsi komunikatif peribahasa dengan kognitif.

Teori Semantik juga menekankan tiga prinsip utama yang perlu diberikan perhatian apabila mengkaji ungkapan metafora dan makna figuratif seperti yang terkandung dalam peribahasa, yakni aspek konteks, kesan konteks dan kos proses. Pengaplikasian teori semantik dalam kajian ini adalah bersandarkan tiga jenis semantik seperti yang diujulkan oleh Nor Hashimah (2014). Tiga jenis semantik itu ialah:

- i) Semantik skrip mengutamakan maklumat sedia ada untuk mentafsirkan makna, dan memahami akal budi masyarakat Melayu. Penghuraian makna dengan menggunakan jenis semantik ini menjadi tepat kerana penganalisan hanya pada peringkat permukaan sahaja;

- ii) Semantik resonans lebih berfokuskan kepada teori serta menjelaskan dan mengaitkan tafsiran makna dengan kognitif penutur. Semantik resonans ini tidak dapat mentafsirkan akal budi Melayu dengan tepat kerana semantik ini lebih berfokuskan data korpus tatabahasa dan ungkapan metafora sahaja; dan
- iii) Semantik inkuisitif turut menggabungkan semantik skrip dan resonans untuk menghuraikan akal budi Melayu dengan menghubungkan bahasa, budaya, dan kognitif dengan aspek akal budi Melayu.

Tambahan pula peribahasa yang digunakan dan diselitkan dalam komunikasi memang berlaku mengikut konteks, dan dengan tujuan tertentu seperti menyindir, mengkritik, menegur dan menasihati. Aspek akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak yang telah dianalisis dalam kajian ini mencakupi aspek pemikiran, kreativiti, keindahan, kesesuaian, keperibadian, dan kebudayaan.

### **Akal Budi Dalam Peribahasa Melayu Sarawak**

Orang Melayu Sarawak bukan sekadar menggunakan dan memahami bahasa mereka sebagai deretan perkataan yang hanya mendukung makna denotasi, walau bagaimanapun, bagi mereka, bahasa ialah cerminan tingkah-laku, peribadi, jiwa serta akal budi mereka seperti yang tersirat dalam peribahasa mereka.

Menurut Hamidah et al dalam kertas kerja mereka Kesantunan dalam Budaya Melayu Sarawak (2009), masyarakat Melayu Sarawak kaya dengan adat istiadat yang ditunen dengan unsur-unsur kesopanan dan kesantunan. Unsur-unsur kesopanan dan kesantunan itu dapat ditelaah dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah menerusi perlakuan dan penggunaan bahasa seperti kata ganti nama diri, kata sapaan dan rujukan hormat, selain pantun, kiasan, dan budaya rakyat seperti lagu dan cerita. Penekanan unsur kesantunan dalam kehidupan amat penting agar terlahir insan yang berpekeri mulia, tahu adat budaya, berakhlak dan mempunyai keperibadian Melayu.

Akal budi yang merupakan inti sari dan ungkapan metafora yang terungkap serta terkias dalam peribahasa harus ditafsirkan dengan bestari dan hati nurani. Akal budi bukan hanya secara lahiriahnya bermakna memiliki akal, bagaimanapun, akal budi juga bermaksud kebijaksanaan dan kearifan orang Melayu Sarawak dalam mempergunakan akal, berfikiran sihat dan waras serta kepandaian mereka dalam mengungkapkan dan mengiaskan bahasa yang sarat dengan makna.

Bagi memperlihatkan aneka unsur akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak, teori utama yang digunakan ialah Teori Semantik kerana teori ini dapat menghasilkan penganalisan yang tuntas. Selain itu, teori ini juga sesuai digunakan dalam penganalisan peribahasa kerana teori ini juga mengambil kira aspek hubungan yang integral antara fungsi komunikatif peribahasa dengan kognitif. Tambahan pula peribahasa yang digunakan dan diselitkan dalam komunikasi memang berlaku mengikut konteks, dan dengan tujuan tertentu seperti menyindir, mengkritik, menegur dan menasihati.

Enam aspek akal budi yang akan dibicarakan dalam makalah ini ialah pemikiran, kreativiti, keindahan, kesesuaian, keperibadian, dan kebudayaan.

#### **a) Pemikiran**

Penelitian terhadap akal budi bererti penelitian tentang fikiran, kognisi atau akal dan persoalan budaya yang berkaitan dengan penciptaan makna oleh manusia. Makna metafora itulah yang harus ditafsirkan bukan secara permukaan sahaja, bagaimanapun harus mendalami dan menyelami maknanya yang tersirat sesuai dengan pandangan Hassan Ahmad (2016:108) yang mengatakan bahawa dalam sistem pemikiran, kaedah analogi sering digunakan untuk membentuk konsep yang abstrak dengan menggunakan kata-kata benda/ nama yang diambil daripada alam flora dan fauna atau alam tabii sebagai bahan analogi, atau menurut istilah yang lebih teknikal sebagai domain sumber yang literal untuk membentuk makna baharu yang disebut domain sasaran.

Daripada penelitian yang dibuat terhadap peribahasa yang dikumpulkan ini, pemikiran Melayu Sarawak diartikulasikan secara tersurat dan tersirat. Pemikiran itu ikut menyerlahkan suatu cerminan nilai sosial, nilai moral, nilai adat, dan falsafah orang Melayu Sarawak yang ada hubung

kaitnya dengan metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika yang terhasil daripada interaksi orang Melayu dengan alam benda, alam flora dan fauna yang melingkungi kehidupan mereka.

Peribahasa Melayu Sarawak yang dianalisis ini mendapati bahawa terdapat pelbagai unsur pemikiran yang melatari setiap peribahasa yang diungkapkan oleh orang Melayu Sarawak. Hakikat ini memang selari dengan pandangan Sapir Whorf (1921) yang menegaskan bahawa bahasa, seperti digunakan oleh orang Melayu Sarawak untuk membentuk dan menciptakan peribahasa, menggambarkan pemikiran masyarakat penuturnya. Dengan perkataan lain, melalui bahasa kiasan orang Melayu Sarawak meluahkan perasaan dan mengungkapkan buah fikiran mereka.

Dalam menghuraikan hubungan antara bahasa dan pemikiran ini, Asmah Haji Omar (1986) menjelaskan bahawa manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalamannya. Penjelasan Asmah Haji Omar ini sejajar dengan peribahasa yang dikaji ini kerana peribahasa mengandungi ungkapan metafora atau perlambangan perlu ditafsirkan dan ditakwilkan dengan mendalam, dan tidak hanya tertumpu pada makna linguistik atau eksplisit peribahasa tersebut.

Aspek pemikiran yang berhubung kait dengan hubungan manusia dengan agama dan Tuhan amat jelas terungkap dalam peribahasa yang mengandungi unsur-unsur kehidupan yang berlandaskan ajaran agama Islam, khususnya dalam soal akidah. Antara peribahasa yang mengungkapkan tema sedemikian ialah rejeki jangan ditolak/ rezeki jangan ditolak yang bermaksud rezeki walaupun sedikit hendaklah diterima dengan rasa syukur. Sebagai manusia biasa seharusnya sentiasa mensyukuri rezeki yang telah ditentu-Nya kerana rezeki ialah tiga rahsia Allah yang tidak diketahui, selain jodoh dan umur.

Dalam soal jodoh pun orang Melayu Sarawak menyedari bahawa semua itu ditentukan oleh Tuhan Maha Esa, dan mereka amat mempercayai bahawa walau di mana pun seseorang itu berada, sekiranya mereka memang ditakdirkan untuk bertemu, dan menjadi suami isteri, mereka akhirnya akan bersatu juga seperti yang disirat dalam peribahasa ikan di laut, asam di darat, di dalam periok betemu juak/ikan di laut, asam di darat, di dalam periuk bertemu juga.

Sesuai dengan nilai keagamaan yang menjadi sebahagian daripada amalan hidup masyarakat Melayu Sarawak, mereka juga amat mementingkan nilai kesederhanaan, baik dalam aspek pemikiran mahupun tindak-tanduk mereka. Dalam konteks ini, ahli masyarakat juga diingatkan agar tidak melakukan pekerjaan yang sia-sia, dan merugikan diri sendiri. Peribahasa umpan abis ikan sik dapat/umpan habis ikan tak dapat yang bermaksud usaha yang sia-sia dan mendatangkan kerugian merupakan suatu peringatan agar tidak melakukan perkara yang sia-sia dan merugikan.

Peribahasa untung ada, tuah sik ada/untung ada, tuah tidak ada mengingatkan agar orang Melayu tidak membazir dalam apa juga perkara, dan senantiasa memastikan agar segala rezeki yang mereka peroleh itu daripada sumber yang halal supaya diberkati oleh Tuhan, dan rezeki itu tidak habis begitu sahaja seperti yang terkandung dalam maksud peribahasa untung ada rezeki sik ada, iaitu murah rezekinya tetapi selalu habis sahaja.

Peribahasa untung sabut timbol, untung batu tenggelam/untung sabut timbul, untung batu tenggelam pula memberi peringatan agar setiap orang sentiasa bertawakal, dan mensyukuri nasibnya sesuai dengan maksud peribahasa tersebut, iaitu terserah kepada nasib atau tidak ada orang yang dapat menghindari nasib yang menimpanya.

Sifat sederhana dalam serba-serbi hal ehwal kehidupan, dan tidak menurut nafsu syahwat agar ahli masyarakat tidak mengalami pelbagai kerugian dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat memang dititikberatkan oleh orang Melayu Sarawak. Beberapa contoh peribahasa yang dibincangkan di atas jelas mengingatkan agar orang Melayu mensyukuri nikmat, takdir dan rezeki yang dikurniakan oleh-Nya sebagai sebahagian daripada citra keimanan mereka sejajar dengan pandangan Hamka (2009):

....Iman yang menimbulkan keyakinan mencari kehidupan dan rezeki, terutama iman kepada takdir. Orang yang beriman percaya meskipun rezeki itu berada dalam mulut macan, kalau tersedia buat dia, meski jatuh ke tangannya, itulah dia bekerja dan giat mencari rezeki.

Pemikiran tentang hubungan manusia dengan Tuhan juga dikiaskan dalam peribahasa tanggar muka diri empun dolok dalam ceremin/lihat muka sendiri dahulu dalam cermin yang bererti lihat keburukan, perangai dan sebagainya diri sendiri dahulu terlebih dahulu sebelum mengatai orang lain

adalah suatu peringatan agar orang Melayu Sarawak itu tidak mencari-cari kesalahan, kelemahan, keburukan atau kejelikan orang lain tanpa melihat terlebih dahulu menilai diri sendiri. Sekiranya seseorang itu menyedari dirinya banyak kekurangan dan kelemahannya, kemungkinan besar dia tidak akan mencari-cari kekurangan dan kelemahan orang lain, dan mengatai atau mengumpat mereka. Perbuatan keji seperti mengatai dan mengumpat yang dibenci oleh agama itu sudah pasti dapat dielakkan daripada melakukannya.

Peribahasa berikut jelas memperlihatkan betapa orang Melayu Sarawak amat menitikberatkan soal hubungan yang harmoni dalam masyarakat Melayu itu sendiri, sekaligus dalam hubungan antara masyarakat.

- (i) Ambik durok/mendahulukan bantuan yang bermaksud satu pihak terlebih dahulu menunaikan hajat pihak yang menjemputnya seperti dalam kenduri dan sebagainya, kemudian pihak tersebut akan menunaikan hajat yang sama pada masa akan datang. Maksud kedua peribahasa tersebut ialah membantu pihak lain terlebih dahulu seperti dalam kerja menuai padi dan sebagainya, dan selepas itu pihak yang telah dibantu itu akan memberikan bantuan yang serupa pada waktu yang lain; biasanya bantu-membantu dari segi tenaga, dan tanpa upah.
- (ii) Berat sama dipikul ringan sama dijinjing/berat sama dipikul, ringan sama dijinjing yang sesuatu pekerjaan walaupun seberat mana pun akan menjadi mudah untuk dijayakan jika pekerjaan itu dilakukan secara bersama tanpa adanya sifat berkira dalam kalangan anggota masyarakat.

Peribahasa sebagai salah satu sub-genre sastera lisan yang juga terhasil daripada penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan orang Melayu Sarawak jelas memperlihatkan betapa orang Melayu Sarawak amat kreatif dan sensitif dalam pembentukan, serta penciptaan peribahasa agar hasil ciptaan mereka itu sarat dengan makna yang perlu ditafsirkan dan ditakwilkan secara bijaksana.

Perihal ini adalah selari dengan pandangan Laurent Metzger (2009:52-53) yang paling ketara dalam perkara ini ialah salah satu kesan yang begitu bermanfaat daripada kemasukan agama Islam di rantau ini, yakni satu sistem tulisan yang diterima oleh orang tempatan yang setakat itu tidak memiliki satu sistem penulisan yang begitu sempurna sehingga karya-karya sastera tidak dapat diedarkan. Akhirnya masyarakat Melayu begitu kaya dengan warisan sastera lisannya bermula dengan menggunakan satu sistem tulisan yang lengkap yang membolehkan para pnyalin menyalin karya-karya Melayu yang besar dan yang dikemukakan dalam bentuk lisan secara turun-temurun supaya karya itu dapat dibaca dan disimpan untuk masa hadapan.

Salah satu nilai murni yang penting dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat ialah ahli masyarakat tahu mengenang budi baik orang lain, dan orang Melayu Sarawak tidak berkenan dengan orang-orang yang mudah melupakan budi baik orang lain. Peribahasa utang emas dapat dibayar utang budi diembak mati/ hutang emas boleh dibayar, hutang dibawa mati mengiaskan betapa tingginya nilai budi baik seseorang itu yang tidak dapat digantikan dengan wang ringgit atau harta benda. Bagi mereka yang mudah melupakan budi pula mereka dikiasikan dengan kacang lupak dengan kulit/kacang lupa akan kulit. Sesiapa yang berperangai tidak mengenang budi atau tahu berterima kasih sudah tentu tidak disukai.

Hubungan manusia dengan alam adalah didasari dua prinsip utama, yakni menggali dan memelihara alam berserta segala kekayaannya dengan baik. Prinsip kedua, ialah sebagai pemelihara alam, manusia tidak dibenarkan merosak alam sekitar lantaran perbuatan merosakkan alam sekitar akhirnya akan mengakibatkan kerosakan kepada kehidupan manusia itu sendiri. Peribahasa macam ikan kenak tuba/seperti ikan dituba yang bermaksud sudah tidak berdaya lagi memperlihatkan betapa perbuatan merosakkan makhluk seperti ikan yang menjadi sumber protein yang utama dengan cara meracunnya dengan tuba, akhirnya akan merugikan manusia itu sendiri kerana lebih banyak ikan dan hidupan sungai yang lain yang turut musnah akibat racun tuba.

Pemilihan dan penyusunan perkataan bagi membentuk serta menciptakan peribahasa sesungguhnya dilakukan secara teliti. Begitu juga dengan kiasan makna yang lahir daripada peribahasa itu juga secara sedar sudah dalam benak fikiran dan hati para penciptanya.

## **b) Kekreatifan**

Penghasilan sesuatu karya sastera, khususnya peribahasa memerlukan kemampuan daya cipta atau kekreatifan yang tinggi. Seperti yang telah dibincangkan terdahulu, peribahasa Melayu Sarawak dibentuk dan diciptakan hasil daripada ilham, pengamatan, dan pentafsiran mereka terhadap alam semula jadi serta persekitaran hidup mereka. Alam semula jadi, persekitaran dan pengalaman hidup menjadi sumber inspirasi untuk mereka mengungkapkan segala pengamatan dan pentafsiran ke dalam peribahasa. Begitu juga dengan pantun yang merupakan sub-genre puisi tradisional yang diciptakan oleh orang Melayu, jelas memperlihatkan betapa kreatifnya mereka.

Kekreatifan orang Melayu Sarawak dalam pembentukan dan penciptaan peribahasa dapat dilihat daripada aspek kebijaksanaan mereka memilih perkataan dan metafora, dan kepandaian mereka menyusun serta menganyam perkataan dan metafora yang bersifat konseptual itu menjadi ungkapan dan kalimat yang indah serta tinggi keintelektualannya.

Menurut Hassan Ahmad (2016:108), ungkapan metafora konseptual tidak sahaja lahirnya secara spontan, tetapi berdasarkan pengalaman yang berpanjangan dan melalui renungan akhlah dan intuitif pemikir Melayu berinteraksi dengan alam sekelilingnya. Penelitian ini menemukan metafora yang digunakan untuk menyampaikan maksud, dan konsep atau prinsip yang abstrak. Peribahasa sekayuk ditetak sepuluh rebah/ sephohon ditetak sepuluh yang rebah, menjelaskan konsep rasa sepunya atau kebersamaan antara kelompok atau kumpulan orang tertentu dalam masyarakat terhadap hal-hal yang saling berkaitan dengan mereka melalui analogi "sekayuk ditetak" atau "seorang dikritik atau disinggung", dan beberapa orang yang lain turut berasa tersinggung oleh sesuatu kritikan itu yang dianalogikan dengan ungkapan "sepuluh rebah".

Dalam peribahasa kapal pecah yuk kenyang/ jong pecah yu kenyang, metafora kapal yang dipilih oleh orang tua Melayu Sarawak, dan bukannya jong seperti yang terkandung dalam peribahasa Melayu "jong pecah yu kenyang" (Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua, 2016) kerana perkataan jong dalam bahasa Melayu Sarawak membawa pengertian "sejenis perahu yang kecil daripada kayu yang bukan digunakan untuk berlayar dan sebagainya". Justeru, untuk menjelaskan konsep "banyaknya orang yang terkena musibah yang disebabkan kapal yang pecah" yang menjadi habuan kepada mamalia pemangsa yu, maka dengan bijaksana orang Melayu Sarawak memilih metafora kapal, dan bukannya jong. Yuk juga merupakan metafora mendukung konsep atau konotasi "ikan yang besar serta ganas".

Kepandaian orang Melayu Sarawak dalam memilih perkataan dan menyusunnya menjadi ungkapan metafora yang tinggi falsafahnya adalah suatu petunjuk kekreatifan orang Melayu dalam menciptakan dan menghasilkan karya sastera seperti peribahasa. Contohnya, ungkapan tangkap salah ialah peribahasa, manakala, salah tangkap ialah ungkapan umum yang tidak mengandungi makna figuratif. Ini memperlihatkan bahawa kebijaksanaan orang Melayu dalam menyusun perkataan tangkap dan salah untuk menghasilkan makna yang berbeza. Tangkap salah mengandungi makna figuratif, manakala salah tangkap mengandungi makna denotatif.

Peribahasa tangkap salah perlu ditafsirkan dan ditakwilkan untuk mengetahui serta memahami makna kiasan yang tersirat dalam peribahasa itu. Makna figuratif peribahasa itu ialah pasangan yang didapati "bersalah" kerana melanggar adat atau norma "hubungan lelaki dan perempuan dalam sifat masyarakat Melayu tradisional yang tertutup. Misalnya, si lelaki yang memberi jam miliknya kepada kekasihnya dan jam itu adalah "alasan" bagi disabitkan "kesalahan" pasangan tersebut yang menyebabkan dia harus bernikah dengan gadis tersebut. Perbuatan yang dilakukan oleh pasangan itu dianggap sumbang atau kesalahan oleh orang tua-tua dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak pada zaman itu. Hal ini penting untuk ditafsirkan sesuai dengan struktur serta norma masyarakat pada waktu itu yang mementingkan soal perilaku dan adab bermasyarakat.

Kekreatifan orang Melayu Sarawak dapat juga diserlahkan dengan meneliti penggunaan metafora khusus dalam peribahasa yang mereka ciptakan. Dalam peribahasa bangke boyak sik dapat ditutup dengan nyiruk/bangkai buaya tidak dapat ditutup dengan nyiru yang bermaksud kesalahan yang besar yang tidak dapat ditutup, secara bijaksana orang Melayu Sarawak memilih metafora boyak (buaya) daripada metafora gajah seperti yang terdapat dalam peribahasa bangkai gajah tidak dapat ditutup dengan nyiru dalam kalangan orang Melayu Semenanjung Malaysia adalah disebabkan di negeri Sarawak tidak terdapat gajah, dan reptilia buaya besar berkulit tebal serta berbadan panjang adalah

dekat dengan orang Melayu Sarawak, sementelahan reptilia itu banyak terdapat di negeri Sarawak khususnya di Batang Lupar, Batang Sadong dan Batang Samarahan yang menjadi petempatan utama orang Melayu Sarawak.

Badan buaya seperti juga gajah yang cukup besar dan panjang itu ialah metafora bagi mengiaskan betapa besarnya sesuatu kesalahan itu, manakan mungkin ditutup dengan nyiru. Nyiru ialah metafora bagi sesuatu yang kecil yang tidak mampu menutupi benda-benda (kesalahan) yang besar.

Bangke (bangkai) ialah binatang yang sudah mati, dan konteks peribahasa ini, bangkai ialah metafora bagi sesuatu yang berbau busuk. Bau busuk itu ialah metafora bagi sesuatu perbuatan jahat atau kesalahan yang besar.

Kekreatifan orang Melayu Sarawak dalam pemilihan kata dan menjadikannya ungkapan figuratif yang mengiaskan makna yang tinggi falsafahnya, perlu ditafsirkan serta ditakwilkan dengan bijaksana adalah suatu refleksi kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu Sarawak. Hanya orang yang arif dan bijaksana sahaja yang berkemampuan untuk memanfaatkan kekreatifan mereka untuk membentuk dan menciptakan peribahasa, lantas menjadi nara sumbernya. Ini adalah selari dengan pandangan Abdullah Hussain (2016) yang mengatakan bahawa sumber kedua peribahasa ialah orang arif lagi bijaksana.

### **c) Keindahan**

Peribahasa ialah salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional kerana peribahasa mengandungi ungkapan yang bernilai puisi seperti lariknya yang berangkap, memakai rima, irama dan peajaran.

Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2012:138), estetika adalah suatu bidang falsafah yang membincangkan keindahan. Sastera, seperti juga seni yang lain, adalah juga suatu wadah yang indah. Keindahan berada dalam dua kewujudan, iaitu bentuk dan pengalaman. Melalui bahasa, bentuk sastera dibina. Pemilihan diksi dan pembinaan ayat serta susunannya memberi wajah fizikal dan wajah abstraknya. Kata-kata dan ayatnya adalah wahana fizikal yang membina pelbagai tema dan persoalan sesuatu karya. Jalinan antara bentuk fizikal dan abstrak menghasilkan satu lagi bentuk keindahan, iaitu keindahan kesan atau lebih dikenali sebagai pengalaman estetik.

Nor Hashimah (2014) pula mengatakan bahawa melalui pantun dan peribahasa orang Melayu cukup banyak pengajaran dapat digali. Seterusnya beliau menegaskan pemikiran Melayu hanya akan dapat digarap setelah apa-apa yang terselindung di sebalik susunan kata-kata yang indah dalam peribahasa dapat difahami. Pentafsiran kognitif aras tinggi diperlukan untuk memahami makna serta mesej yang terselindung atau tersirat itu.

Nilai dan unsur keindahan dalam peribahasa Melayu Sarawak ditandai oleh ungkapannya yang menimbulkan rasa yang menyenangkan apabila membaca atau mendengarnya, susunan perkataan dan metafora yang teratur yang saling bertautan antara satu dengan yang lain, hasil ciptaan yang baik serta memupuk perasaan moral, dan mempunyai jalinan yang harmonis.

Unsur keindahan yang paling ketara dalam peribahasa Melayu Sarawak ialah rima dan irama, yakni unsur aliterasi dan asonansi atau pengulangan huruf vokal dan konsonan yang menimbulkan aneka kesan keindahan seperti kehalusan, kelembutan dan kemerduan bunyi. Antara peribahasa Melayu Sarawak yang memperlihatkan keindahan rima dan irama ialah sik kunin oleh kunyit sik puteh kapor/ tak kuning dek kunyit tak putih dek kapur, dan sireh pulang ke gagang, pinang pulang ke tampok, terejun sungai sulak ugak/sirih pulang ke gagang, pinang pulang ke tampuk, terjun sungai sulak tunggul.

Panglima sik bekeris/panglima tak berkeris yang bermaksud orang lelaki yang tampaknya gagah atau sering bercakap besar kelakiannya, tetapi sebenarnya *bapuk* dan tidak gagah seperti lelaki yang normal ialah satu lagi contoh peribahasa indah pemilihan katanya, susunan kalimatnya, dan terasa kesan moralnya.

Dalam budaya Melayu panglima ialah orang yang gagah berani serta pandai bermain senjata. Keris ialah senjata pendek yang digunakan dengan meluas di Kepulauan Melayu, selain menjadi salah satu daripada pelengkap pakaian lelaki Melayu. Keris juga merupakan simbol budaya orang Melayu zaman-berzaman (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1995).



Ungkapan panglima tak berkeris cukup indah dari segi pemilihan katanya, susunan kalimatnya dan kesan maknanya sementelah gandingan antara kata panglima dan keris memang sinonim serta harmonis. Dalam membentuk dan menciptakan peribahasa panglima sik bekeris, orang arif dan bijaksana dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak tidak memilih kata pendekar, dan tidak juga memilih kata pedang untuk digandingkan menjadi ungkapan metafora pendekar sik bepedang/pendekar tak berpedang. Ini disebabkan keris dalam peribahasa panglima sik bekeris itu ialah makna figuratif untuk senjata sulit lelaki yang merupakan petunjuk kelakian seseorang. Secara implisit peribahasa panglima sik bekeris mengiaskan makna seseorang lelaki yang lemah tenaga batinnya tetapi berlagak *macho*. Keris juga pendek sifatnya berbanding dengan pedang yang panjang sifatnya, oleh itu keris lebih sesuai sebagai perlambangan kepada sifat senjata sulit lelaki berbanding dengan perlambangan pedang.

Aspek keindahan dalam peribahasa Melayu Sarawak yang dikaji ini juga dapat dilihat daripada cara pengungkapan maksud yang tersirat dalam peribahasa-peribahasa itu, yakni makna figuratifnya yang berupa sindiran, kritikan, teguran, tunjuk ajar dan nasihat itu disampaikan secara tidak langsung, berkias, sinis dan pedas tetapi halus. Antaranya peribahasa sik cukup takar/ tak cukup takar yang bermaksud seseorang yang tidak berpengetahuan tentang adat-istiadat, dan lain-lain. Ungkapan sik cukup takar adalah lebih lembut dan halus berbanding dengan ungkapan kurang asam, butak adat/buta adat atau sik tauk adat (tidak tahu adat) untuk maksud yang sama.

#### **d) Kesantunan**

Orang Melayu Sarawak secara tradisinya amat mementingkan soal kesusilaan dan kesantunan sebagai amalan hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Orang Melayu juga merupakan anggota masyarakat yang amat mematuhi undang-undang, dan berpegang kepada adat-istiadat yang dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian sesuai dengan nilai-nilai keagamaan yang mereka yakini. Hakikat ini diperjelaskan oleh Abang Yusuf Puteh (1998:125):

*The cultural life of the Malays in its traditional form is orderly and, in many ways, regimented. One of its outstanding characteristics, especially before the advent of aggressive politics, is that by nature the Malays are law-abiding. This is mainly due to the style of kampung upbringing which has its foundation in religious observance and cultural obedience.*

Menurut Marlyna Maros (2012), terdapat dua cara utama untuk ujaran sindiran dalam budaya Melayu iaitu melalui bentuk tidak langsung dengan penggunaan metafora, kiasan, dan tersirat untuk menyampaikan perasaan dan pendapat penutur kepada pendengar. Cara yang kedua adalah melalui ujaran langsung yang membawa maksud sindiran dengan jelas sebagai perkara yang perlu ditegur atau dinasihati kepada pendengar. Antara peribahasa Melayu Sarawak yang memperlihatkan lakuan bahasa sindiran yang memanasikan kesantunan atau kesusilaan dalam berkomunikasi ialah:

- i) Jaga aer muka/jaga air muka yang bermaksud berhati-hati agar tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh memalukan atau menjatuhkan maruah orang lain atau maruah diri sendiri.
- ii) Jaga ati/jaga hati yang membawa makna berhati-hati dalam perlakuan atau kata-kata agar tidak menggores perasaan atau menyakiti hati orang lain.
- iii) Jaga mulut yang membawa makna berhati-hati sewaktu bercakap.
- iv) Demam kurak/demam puyuh yang bermaksud seseorang yang berpura-pura sakit.
- v) Macam kiker besi/seperti kikir besi yang bermakna orang kaya yang bakhil.

Kelima-lima peribahasa contoh di atas mencerminkan kesantunan orang Melayu Sarawak dalam berkomunikasi. Peribahasa itu merupakan suatu nasihat dan peringatan agar sentiasa berhati-hati dalam pergaulan, perlakuan dan percakapan untuk mengelak timbul salah faham mahupun menyentuh perasaan, dan menggores hati orang lain.

Makanya, orang yang terlalu berkira atau terlampau berjimat membelanjakan wang mahupun menggunakan harta benda adalah tidak santun jika ditegur dengan mengatakan mereka itu secara langsung sebagai orang yang kedekut, lokek, bakhil, atau pelit kerana itu akan menyentuh perasaan dan menggores hati mereka. Ketidaksantunan bahasa yang digunakan itu tentunya menyebabkan mereka berasa dihina atau telah diaibkan. Justeru, orang Melayu Sarawak menggunakan peribahasa kiker besi/ kikir besi untuk mengiaskan secara halus dan santun sifat orang yang terlalu kedekut, lokek, pelit atau bakhil itu.

Ungkapan kiker besi yang dipilih oleh orang tua-tua Melayu Sarawak kerana sifat kikir besi yang bergerigi halus pada permukaan atau tepinya, dan digunakan untuk mengikis besi dan sebagainya. Dalam kalangan orang Melayu Sarawak ada juga peribahasa kiker parek/kikir pari yang membawa maksud orang yang degil atau kedekut yang secara analoginya sama seperti sifat kulit ikan pari yang sudah dikeringkan yang keras seperti belulang. Berbanding dengan kikir pari, kikir besi adalah lebih keras dan tajam—suatu metafora bagi darjah kebakhilan yang tinggi.

Orang Melayu Sarawak juga menekankan soal budi bahasa, dan penggunaan peribahasa sebagai salah satu unsur komunikasi dalam kalangan masyarakat, jelas memperlihatkan betapa mereka amat menitikberatkan perihal kesantunan sebagai salah satu ciri khas dalam perhubungan antara mereka, dan masyarakat lain. Dalam kebiasaan dalam kalangan orang Melayu untuk tidak mahu mengecil hati orang lain, selain tidak mahu menjatuhkan maruah dan harga diri orang lain. Maka wujudlah peribahasa seperti jaga aer muka/jaga air muka, jaga ati/jaga hati dan jaga mulut/jaga mulut yang maksudnya telah diterangkan di atas. Ketiga-tiga peribahasa di atas merupakan suatu peringatan agar seseorang itu harus sentiasa berhati-hati dalam pergaulan dan percakapan mereka.

Peribahasa murah ati/ murah hati yang bermaksud tidak bakhil serta suka menolong orang lain, dan murah tangan/ murah tangan yang mendukung makna suka memberi, baik sedekah mahupun bantuan lain adalah contoh peribahasa yang berupa nasihat agar anggota masyarakat Melayu sentiasa mengamalkan sifat yang santun dalam pergaulan dan perhubungan mereka agar tidak menyinggung perasaan dan mengecil hati orang lain.

Kewujudan peribahasa sebagai sarana kesantunan komunikasi dan mengandungi nilai-nilai moral sememangnya sudah jelas sesuai dengan hakikat itu peribahasa itu sendiri yang berupa kalimat pendek yang terdapat dalam masyarakat yang mengandungi unsur-unsur kebijaksanaan, kebenaran, moral, dan pandangan-pandangan tradisional dalam bentuk metafora, standard, dan selalu diingat serta diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain (Mieder, 1993).

#### **e) Keperibadian**

Orang Melayu Sarawak amat mementingkan keperibadian yang mulia, yakni sifat-sifat yang baik, luhur, berkualiti dan bermoral, sesuai dengan nilai-nilai kepercayaan serta keagamaan yang mereka anuti dan amalkan. Keperibadian mulia bukannya lahir secara semula jadi ataupun diperoleh dalam waktu yang singkat. Walau bagaimanapun, untuk mencapai tahap keperibadian mulia, seseorang itu harus melalui proses pembelajaran dan latihan yang panjang. Dalam pada itu, keperibadian yang mulia dibentuk oleh pengalaman kehidupan, keagamaan dan kebudayaan.

Orang Melayu Sarawak seperti yang disebut oleh Abang Yusuf Puteh (2008:8) sangat mengambil berat tentang agama mereka. Kepercayaan agama mereka menjadi satu kuasa yang kuat menyatupadukan, dan mewujudkan suatu sistem kesusilaan dan kebudayaan yang sama. Justeru, pembentukan dan penciptaan peribahasa adalah dengan mengambil kira unsur kepercayaan agama agar akan terkias keperibadian orang Melayu itu.

Peribahasa *Tukang Gendang/ Pemain Gendang* yang bermaksud perempuan yang mahir memukul gendang mengikut lagu dan irama tertentu serta mahir melagukan pantun, termasuk menjual dan membeli pantun secara spontan, dan *Tukang Pantun/ Pandai Pantun* yang bermakna seseorang yang mahir berpantun yang dipilih khas untuk mengepalai acara berpantun, khususnya dalam acara pinang-meminang dan sebagainya adalah suatu manifestasi ketinggian akal budi orang Melayu Sarawak dalam bidang kesenian. Ini sekaligus menggambarkan keperibadian mereka yang mempunyai kemahiran khusus yang bukan sahaja memperlihatkan kesenimanannya mereka, bahkan mencerminkan pemikiran mereka yang tinggi.

Pemilihan kata tukang untuk dijadikan unsur utama dalam pembentukan dan penciptaan peribahasa tersebut amatlah sesuai kerana makna figuratifnya ialah orang yang mempunyai kemahiran atau kepandaian dalam bidang tertentu. Kata tukang dalam peribahasa tukang sik embuang kayu/ tukang tidak membuang kayu bermaksud cerdik, sesuai dengan makna peribahasa itu, yakni orang yang cerdik selalu berhemat dalam segala perkara.

Justeru, keperibadian orang Melayu Sarawak itu juga ditandai oleh kepandaian, kemahiran, kecerdikan serta daya cipta mereka yang tinggi dalam pelbagai bidang seperti peribahasa tukang ias/tukang hias yang bermaksud orang yang pandai menghias atau tukang andam.

Ada juga peribahasa yang menggambarkan peribadi seseorang yang tidak elok atau negatif seperti yang dimaksudkan oleh peribahasa tukang angkat dan tukang rombok yang memerihalkan orang yang suka memuji-muji untuk keuntungan dirinya sendiri, dan tukang cucok/ tukang cucuk yang bermaksud orang yang suka memberitahu sesuatu hal kepada orang lain dengan tujuan untuk menghasut atau mengapi-apikan orang tersebut. Peribahasa tukang ngamin/ tukang mengamin juga memerihalkan sifat atau peribadi seseorang yang tidak baik kerana peribahasa itu membawa makna orang yang tidak membuat apa-apa kerja, sedangkan orang lain yang bertungkus-lumus melakukan pekerjaan, manakala dia hanya mengikut sahaja buruk baiknya pekerjaan itu.

Keperibadian mulia juga ditandai oleh mereka yang pandai menjaga maruah diri dan keluarga. Justeru, ada peribahasa Melayu Sarawak yang mengingatkan agar maruah dan harga diri harus dijaga sebaik mungkin agar tidak mendatangkan aib kepada diri dan keluarga. Peribahasa nyior ditebok tupe/ kelapa ditebuk tupai yang bermaksud anak gadis yang sudah hilang daranya kerana belum bernikah, dan jangan meludah ka langit/ jangan meludah ke langit yang bermakna jangan mengeji atau mencela ibu bapa atau saudara-mara sendiri, mengingatkan betapa penting maruah dan harga diri itu dipelihara kerana jika seseorang anak dara itu rosak atau tidak suci lagi, dan sekiranya seseorang itu suka mengeji atau mencela ibu bapa atau keluarga sendiri, maka tercela keperibadiannya kerana melakukan sesuatu yang mengaibkan diri serta keluarganya.

Sak puteh tulang jangan puteh mata/ daripada berputih mata lebih baik berputih tulang yang membawa makna lebih baik mati daripada menanggung malu ialah satu lagi peribahasa yang menyerlahkan keperibadian kental orang Melayu Sarawak sanggup mati untuk mempertahankan maruah dan harga dirinya.

#### **f) Kebudayaan**

Orang Melayu Sarawak mempunyai kebudayaannya yang tersendiri dan lebih tinggi berbanding dengan kaum lain di Sarawak, termasuklah yang berkaitan dengan ranah kesusasteraan, hasil daripada asimilasi dan akulturasi pelbagai pengalaman sosial, politik dan ekonomi yang dialami oleh masyarakat tersebut.

Perihal ini diakui sejarawan Melayu Sarawak, Sanib Said (2013) yang antara lain menegaskan bahawa kebudayaan Melayu Sarawak dari segi agama, sosial, politik dan ekonomi boleh dikatakan tertinggi jika dibandingkan dengan kaum lain, lama sebelum kehadiran Raja Putih Brooke pada abad ke-19. Kebudayaan Melayu Sarawak itu terhasil daripada pengalaman bangsa itu sendiri yang terdedah kepada dunia luar, dan kemudian dimurnikan oleh agama Islam.

Dari segi budaya intelektual orang Melayu Sarawak mempunyai sejarah dan tradisinya sendiri seperti yang terpancar dalam kearifan mereka membentuk, dan mencipta peribahasa yang merupakan salah satu genre dalam kesusasteraan tradisional. Kewujudan peribahasa ini juga memperlihatkan budaya berkarya dan berkeaktiviti itu sudah wujud sejak sekian dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

Peribahasa Melayu Sarawak cukup istimewa dari aspek tema dan motifnya. Dalam konteks ini, Mieder (1993) menjelaskan bahawa: *It is generally agreed that peribahasa are traditional in that they have history of use within the language community, are accepted as applying to particular situations. We are conscious of the fact that proverbs are generally the properties of an area and tribe.* Justeru, penelitian ini mendapati, peribahasa Melayu Sarawak ialah cerminan unsur-unsur budaya, dan pengalaman sejarah mereka.

Aspek kebudayaan yang masih kekal diamalkan hingga kini dengan beberapa penyesuaian, ialah Adat Perkahwinan Orang Melayu Sarawak. Terdapat banyak peribahasa yang berhubung kait dengan budaya perkahwinan diciptakan oleh orang yang arif dan bijaksana dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

Peribahasa seperti ngantar tekol yang bermaksud menghantar rombongan untuk menyerahkan cincin tekol/ cincin tanda sebagai tanda pihak lelaki sudah bersetuju untuk bertunang dengan pihak perempuan merupakan budaya yang masih diamalkan hingga kini dalam kalangan orang Melayu Sarawak.

Peribahasa cincin tekol atau sarung gundi ialah sebetuk cincin yang dijadikan tanda pengikat yang dihantar oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan yang menandakan rasmilah sudah pertunangan antara pasangan tersebut.

Begini juga dengan peribahasa ngantar tunang/ menghantar tunang yang bermaksud rombongan peminangan yang pergi ke rumah pihak perempuan dengan pelbagai tanda pertunangan sebagai suatu ikatan yang kedua-dua keluarga telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan anak masing-masing. Pengamalan adat yang baik seperti ini kekal menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak hingga ke hari ini.

Ironinya, jika pihak lelaki yang membuat peminangan, dan kemudiannya membuat keputusan untuk menarik diri, dari adat, pihak lelaki itu akan dikenakan hukuman kerana dianggap telah mungkir dan “mempermainkan anak perempuan” (Abang Yusuf Puteh, 2008). Peribahasa yang memerikan hukuman itu dinamai balak pengamang.

Aspek kebudayaan lain yang terungkap dalam peribahasa Melayu Sarawak yang dikaji ini ialah peribahasa nyeruk tunang/ menjemput tunang yang membawa makna menjemput bakal pengantin lelaki makan malam serta tidur di rumah tunangnya.

Sehubungan dengan peribahasa nyeruk tunang ini, juga terdapat peribahasa meroboh katel/ merobohkan katil. Peribahasa ini mencerminkan adat menanggalkan katil yang telah digunakan oleh orang yang meminang semasa mereka berkunjung sebelum ini. Adat secara simbolis menandakan berakhirnya tempoh pertunangan, dan akan berlangsungnya acara perkahwinan.

Satu lagi peribahasa yang menggambarkan budaya Melayu Sarawak yang ada hubung kaitnya dengan acara perkahwinan ialah turun tanggak/ turun tangga yang mengiaskan makna pengantin lelaki yang turun naik tangga rumah sebanyak tiga atau tujuh kali selepas bersanding.

Secara keseluruhannya, dalam budaya atau amalan perkahwinan dalam kalangan orang Melayu Sarawak, khususnya yang berkaitan dengan pantang-larang, terdapat peribahasa yang mengiaskan pantang-larang itu, yakni peribahasa tujuh peraja/ tujuh pantang-larang yang mendukung makna tujuh pantang-larang yang penting selepas pernikahan.

Orang Melayu Sarawak memang sangat mementingkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam adat, khususnya untuk menjaga dan memelihara maruah diri serta keluarga. Maka, wujudlah norma yang diterima umum seperti yang tergambar dalam peribahasa tangkap salah yang bermaksud lelaki atau perempuan yang diharuskan berkahwin kerana melakukan sesuatu kesalahan dalam hubungan lelaki dan perempuan yang dianggap telah melanggar norma atau aturan tertentu seperti sudah sering bertemu, bertukar-tukar pemberian atau barangan, dan sudah kelihatan perbuatan mereka itu tidak manis dipandang mata.

Bukanlah sesuatu yang ganjil hingga kini budaya nikah bejemok yakni majlis kenduri kahwin diadakan di sebelah pihak sahaja sama ada di pihak lelaki ataupun perempuan bagi menghematkan belanja dan masa, sekali gus untuk memeriahkan lagi majlis perkahwinan itu. Budaya ini juga memperlihatkan betapa bijaknya orang Melayu Sarawak dalam memelihara kerukunan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

Bagi orang Melayu Sarawak segala unsur kebudayaan yang tidak bercanggah dengan hukum-hakam agama, akan diterima dan diterapkan dalam pengamalan pelbagai adat, khususnya yang berkaitan dengan perkahwinan dan pembentukan sistem kekeluargaan sesuai dengan tuntutan agama dan adat-istiadat yang menjadi amalan masyarakat Melayu Sarawak, demi membentuk masyarakat yang harmoni seperti yang ditegaskan oleh Abang Yusuf Puteh (2008) bahawa dalam semua masyarakat, pertalian darah dan perkahwinan adalah institusi yang diwujudkan untuk menjaga perhubungan dalam masyarakat.

Antara peribahasa yang ada hubung kaitnya dengan institusi kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak yang mengiaskan peri pentingnya memelihara keharmonian dalam masyarakat, dan untuk memastikan kesucian institusi kekeluargaan itu terjaga ialah:

- a) Nikah benar yang bermaksud pernikahan yang sebenar yang sejajar dengan adat resam serta norma yang telah ditetapkan.
- b) Nikah gantong/ nikah gantung yang bermakna perkahwinan yang sudah sah, yakni sudah terlaksana akad nikah, ijab kabulnya, bagaimanapun belum bersanding lagi.
- c) Nikah salah yang membawa maksud pernikahan yang berpunca daripada ditangkap basah atau atas sebab-sebab tertentu seperti mengandung terlebih dahulu, melakukan sesuatu yang sumbang yang melanggar adat bertunang dan sebagainya.
- d) Tangkap basah yang membawa makna pasangan lelaki dan perempuan ditangkap kerana sedang berkhawatir atau melakukan perkara sumbang, dan sebagainya.
- e) Tangkap salah yang bermaksud pasangan lelaki dan perempuan yang didapati bersalah kerana melanggar adat atau norma hubungan lelaki dan perempuan dalam sifat masyarakat tradisional yang tertutup, secara umumnya menganggap lelaki dan perempuan yang belum berkahwin tidak harus melakukan sesuatu yang tidak manis dipandang mata atau yang dianggap sumbang dan tidak sopan.

Tentu sahaja segala bentuk dan nilai kebudayaan yang baik harus dipertahankan untuk terus diamalkan oleh generasi yang akan datang. Nilai-nilai murni yang diungkapkan secara tersirat yang mengandungi makna metaforikal dan figuratif melalui sebahagian besar peribahasa yang representatif yang telah dibincangkan di atas telah memperlihatkan ketinggian akal budi Melayu dalam aspek pemikiran, kearifan, kekreatifan, keindahan, keperibadian, kepercayaan dan kebudayaan.

## **KESIMPULAN**

Tuntasnya, kekreatifan orang Melayu Sarawak dalam penciptaan dan pembentukan ungkapan figuratif yang mengiaskan makna yang tinggi falsafahnya, dan yang perlu ditafsirkan serta ditakwilkan dengan bijaksana adalah suatu refleksi kearifan orang Melayu. Bahkan keupayaan dan ketinggian daya cipta mereka dalam pembentukan dan penciptaan peribahasa itu sendiri adalah suatu pembuktian yang jelas tentang betapa kreatifnya orang Melayu Sarawak kerana berjaya menghasilkan karya sastera tradisional yang diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya.

Hanya orang yang arif dan bijaksana sahaja yang berkemampuan untuk memanfaatkan kekreatifan mereka untuk membentuk dan menciptakan peribahasa, lantas menjadi nara sumbernya. Ini adalah selari dengan pandangan Abdullah Hussain (2016) yang mengatakan bahawa sumber kedua peribahasa ialah orang-orang arif bijaksana. Seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, melalui peribahasa yang disulami pilihan dan susunan kata-kata serta ungkapan yang indah, orang tua-tua yang arif dan bijaksana dalam kalangan masyarakat Melayu mengiaskan dan menyampaikan sesuatu makna secara analogi dan perbandingan dengan tujuan untuk mendidik, menegur, mengkritik, menyindir, dan menasihati dengan cara yang cukup paling halus.

Sebagai rumusnya, beberapa teori yang diaplikasikan dalam kajian ini, khususnya Teori Relevansi telah membuktikan bahawa orang Melayu Sarawak telah berjaya membentuk dan menciptakan peribahasa dengan memanfaatkan segala flora dan fauna di sekeliling mereka, dan menggunakan aneka pengalaman hidup mereka untuk memilih serta menyusun metafora yang baik dan sesuai untuk mengungkapkan pemikiran dan falsafah. Ini juga memperlihatkan betapa tingginya kearifan, dan bestarinya kekreatifan orang Melayu Sarawak.

Akhirulkalimat, dapatan penelitian ini diharap dapat dimanfaatkan untuk meneruskan kajian lanjut yang lebih luas cakupannya terhadap peribahasa orang Melayu Sarawak.

## RUJUKAN

- Abang Yusof Puteh. (1997). *The Malay mind*. Shobra Publications Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak.
- Abang Yusof Puteh. (2008). *Adat perkahwinan orang Melayu Sarawak edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdullah Hussain. (1975). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Hj. Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Awang Hasmadi Awang Mois & Sanib Said. (1998). (Penyunting). *Masyarakat Melayu Sarawak: Himpunan Kertas Seminat Budaya Melayu II*. Yayasan Budaya Melayu Sarawak, Kuching.
- Hamidah et. al. *Petua, Pantang Larang dan Kepercayaan Tradisi. Wajah Melayu Sarawak, Rampaian Ilmu Budaya*. Awang Azman Awang Pawi (Ed.). Yayasan Sarawak, Kuching.
- Hamka. (2009). *Falsafah Hidup*. Pustaka Dini Sdn Bhd: Shah Alam.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. 2016.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. 1988p
- Laurent Metzger. (2009). *Nilai-nilai Melayu: satu sudut pandangan orang luar*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2014). *Semantik dalam akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Sanib Said. (2013). *Melayu Sarawak: Sejarah yang hilang*. Universiti Malaysia Sarawak: Kota Samarahan.
- Yayasan Budaya Melayu Sarawak (Pengumpul). (2003). *Budaya Melayu dalam realiti baru: Esei pilihan Seminar Budaya Melayu Sarawak III*. Yayasan Budaya Melayu Sarawak: Kuching.
- W. Mieder. (1993). *Proverbs are never out of season; Popular wisdom in Modern Age*. Oxford University Press: New York.
- Za'ba. (2009). *Mencapai Keluhuran Budi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.